



“K E D A H S E J A H T E R A”

Ruj Tuan :
Ruj Kami : (24) dlm. P.Kw.N.(K)1522
Tarikh : 13 Jamadilawal 1434
25 Mac 2013

Semua Pegawai Pengawal
Jabatan Kerajaan Negeri

Semua Ketua Badan Berkanun Negeri

Y.B. Dato'/Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN BIL. 3 TAHUN 2013
- Makluman Tarikh Akhir Penyediaan Sub-Waran, Pesanan Tempatan dan Inden Kerja

Adalah dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Perbendaharaan Negeri telah menetapkan tarikh akhir penyediaan sub-waran, pesanan tempatan dan inden kerja bagi tujuan memastikan perolehan, perkhidmatan bekalan dan kerja dapat disempurnakan mengikut kehendak Arahan Perbendaharaan.

2. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini disertakan **Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman Bil. 3 Tahun 2013** yang perlu dipatuhi dan dijadikan panduan oleh pihak Y.B. Dato'/Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(MASTURA BINTI SAPIFEE)
Penolong Pegawai Kewangan
(Belanjawan dan Pinjaman)
b.p. Pegawai Kewangan Negeri
Kedah Darul Aman



**SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI
KEDAH DARUL AMAN
BIL. 3 TAHUN 2013**

**Semua Pegawai Pengawal
Jabatan Kerajaan Negeri**

Semua Ketua Badan Berkanun Negeri

**MAKLUMAN TARIKH AKHIR PENYEDIAAN SUB-WARAN,
PESANAN TEMPATAN DAN INDEN KERJA**

1.0. TUJUAN

- 1.1. Tujuan surat pekeliling ini ialah untuk memaklumkan kepada semua Pegawai Pengawal Jabatan Kerajaan Negeri dan Ketua Badan Berkanun Negeri mengenai amalan pengeluaran Sub-Waran, Pesanan Tempatan dan Inden Kerja bagi memastikan supaya perolehan, perkhidmatan, bekalan dan kerja dapat disempurnakan mengikut kehendak Arahan Perbendaharaan.
- 1.2. Bagi memastikan pematuhan kepada pekeliling ini, Pegawai Pengawal hendaklah membuat perancangan awal bagi perolehan bekalan/perkhidmatan untuk mengelakkan berlakunya kelewatan.

2.0. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kebelakangan ini, perbelanjaan di bawah AP 58A dan perbelanjaan Akaun Kena Bayar (AKB) semakin bertambah disebabkan amalan pengeluaran Sub-Waran, Pesanan Tempatan dan Inden Kerja dilaksanakan sehingga penghujung tahun.

- 2.2 Kesan dari amalan tersebut menyebabkan berlakunya kelewatan penyempurnaan bekalan dan perkhidmatan sehingga melangkaui tarikh penutupan akaun tahunan. Ini menjejaskan perancangan dan pelaksanaan belanjawan tahun yang akan datang di samping menjejaskan prestasi perbelanjaan tahun semasa.
- 2.3 Peningkatan perbelanjaan Akaun Kena Bayar (AKB) dan AP 58A seringkali diberi teguran oleh Jabatan Audit Negara di samping memberi tekanan ke atas aliran tunai Kerajaan Negeri pada akhir tahun.

3.0 PERATURAN BAGI PENGELUARAN SUB WARAN, PESANAN TEMPATAN DAN INDEN KERJA BAGI TAHUN 2013

3.1 Sub Waran

- 3.1.1 Pengeluaran sub waran oleh Pegawai Pengawal kepada PTJ hendaklah dilaksanakan seberapa segera sebaik sahaja menerima waran asal peruntukan daripada Perbendaharaan Negeri berdasarkan belanjawan yang diluluskan.
- 3.1.2 Permohonan peruntukan daripada jabatan lain hendaklah dilakukan setelah belanjawan diluluskan supaya pengeluaran sub waran dapat dilakukan dengan segera. Permohonan hendaklah dibuat secara terus kepada Pegawai Pengawal jabatan yang berkaitan dengan memberikan justifikasi yang lengkap ke atas permohonan yang dibuat selewat-lewatnya **30 September 2013**.
- 3.1.3 Pengeluaran sub waran bagi peruntukan perbelanjaan emolumen untuk kakitangan sementara/kontrak di bawah objek 29000 hendaklah dikeluarkan secara berperingkat iaitu 6 bulan sekali kepada jabatan yang memohon.

- 3.1.4 Perbelanjaan hanya boleh dibuat berdasarkan kelulusan sub waran yang dikeluarkan sahaja. Sebarang perbelanjaan di luar perihal kelulusan sub waran hendaklah mendapat kelulusan Pegawai Pengawal yang meluluskan sub waran berkenaan.
- 3.1.5 Sekiranya terdapat lebihan baki yang belum di belanjakan dan baki tersebut hendak digunakan untuk tujuan selain daripada perihal kelulusan sub waran, jabatan hendaklah mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri.
- 3.1.6 Pengeluaran sub waran selepas **30 September 2013** hendaklah mendapat **Kelulusan Khas** daripada Pegawai Kewangan Negeri

3.2 Pesanan Tempatan

- 3.2.1 Pesanan tempatan hendaklah dikeluarkan oleh jabatan atau PTJ sebelum bekalan/perkhidmatan disempurnakan oleh pembekal.
- 3.2.2 Pengeluaran pesanan tempatan hendaklah dibuat melalui sistem SPEKS kecuali mendapat kelulusan khas daripada Pegawai Kewangan Negeri.
- 3.2.3 Tarikh akhir pengeluaran pesanan tempatan adalah pada **15 Disember 2013**. Pengeluaran pesanan tempatan selepas 15 Disember 2013 hendaklah mendapat **Kelulusan Khas** daripada Pegawai Kewangan Negeri kecuali untuk tujuan penginapan dan perjalanan bagi urusan rasmi.

3.3 Inden Kerja

- 3.3.1 Inden kerja hendaklah dikeluarkan oleh jabatan atau PTJ sebelum bekalan/perkhidmatan disempurnakan oleh kontraktor.

3.3.2 Pengeluaran inden kerja hendaklah dibuat melalui sistem SPEKS kecuali mendapat kelulusan khas daripada Pegawai Kewangan Negeri.

3.3.3 Tarikh akhir pengeluaran inden kerja adalah pada **30 November 2013**. Pengeluaran inden kerja selepas 30 November 2013 hendaklah mendapat **Kelulusan Khas** daripada Pegawai Kewangan Negeri dan menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan/Pegawai Pengawal untuk memastikan kerja-kerja dapat disempurnakan selewat-lewatnya 31 Disember 2013.

4.0 TARIKH KUATKUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa **serta merta** mulai tarikh ianya dikeluarkan. Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini maka Perkara 6.0 dalam Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman Bil 2 Tahun 2013 adalah terbatal.


5.0 PENUTUP

Semua Pegawai Pengawal Jabatan Kerajaan Negeri dan Ketua Badan Berkanun Negeri hendaklah memastikan segala langkah kawalan yang dinyatakan di dalam Surat Pekeliling ini dipatuhi sepenuhnya demi untuk menjamin kestabilan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah.

Sekian,

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(DATO' WIRA HAJI MOHD PUAT BIN HAJI MOHD ALI,
DGMK., DSDK., AMN., AMK., BCK., BPL.)
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
KEDAH DARUL AMAN

Tarikh : 25 MAR 2013

s.k. Yang Berhormat,
Dato' Seraja Setia Setiausaha Kerajaan Negeri
Kedah Darul Aman.

Timbalan Pegawai Kewangan Negeri
Kedah Darul Aman

Bendahari Negeri
Kedah Darul Aman

Pengarah Audit Negeri
Kedah Darul Aman

Fail P.Kw.N(K)1522